

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(XXV)1**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG  
YB. HAJI MOHD TUAH BIN ISMAIL**

1. Daerah Barat Daya mempunyai 1500 nelayan. Hasil nelayan terganggu kerana kegiatan bot pukat tunda.
  - (a) Apakah tindakan yang diambil oleh agensi penguatkuasa terutamanya APMN dalam menangani isu bot pukat tunda?
  - (b) Apakah langkah-langkah yang diambil bagi mengatasi masalah ini?

**YB. DR. NORLELA BINTI ARIFFIN  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

1. (a) Tindakan yang diambil oleh agensi penguatkuasa terutamanya Agensi Pengawas Maritim Malaysia (APMM), Negeri Pulau Pinang bagi membanteras kes-kes pencerobohan bot pukat tunda adalah dengan sentiasa melaksanakan rondaan operasi dan pengawasan di laut dengan kehadiran kapal. Bagi meningkatkan pengawasan dan pemantauan, pesawat-pesawat udara APMM juga ditugaskan melaksanakan rondaan udara. Statistik bagi bilangan bot yang ditahan serta kompaun yang dikenakan dari tahun 2017 hingga Mac 2020 oleh APMM adalah seperti berikut:-

Bil.	Tahun	Bilangan Bot Yang Ditahan	Jumlah Kompaun (RM)
1	2017	57	196,200.00
2	2018	36	113,900.00

3	2019	75	106,200.00
4	2020 (Sehingga Mac)	9	100,000.00
<b>JUMLAH</b>		<b>177</b>	<b>516,300.00</b>

Selain APMM, Jabatan Perikanan juga mengambil tindakan menjalankan program pemantauan dan pengawasan merangkumi penguatkuasaan undang-undang di kawasan perairan Negeri Pulau Pinang. Statistik bagi bilangan bot yang ditahan, digantung lesen dan kompaun yang dikenakan dari tahun 2017 hingga Mac 2020 oleh Jabatan Perikanan adalah seperti berikut:-

Bil.	Tahun	Bilangan Bot Yang Ditahan	Bilangan Bot Digantung Lesen	Jumlah Kompaun (RM)
1	2017	4	1	23,610.00
2	2018	9	0	21,500.00
3	2019	25	2	44,400.00
4	2020 (Sehingga Mac 2020)	3	0	2,900.00
<b>JUMLAH</b>		<b>41</b>	<b>3</b>	<b>92,410.00</b>

(b) Langkah-langkah yang diambil oleh APMM merangkumi perkara-perkara seperti berikut:-

- (i) Mengenal pasti perairan yang menjadi tumpuan dan pencerobohan bot pukat tunda iaitu di Perairan Sungai Pinang, Perairan Pulau Rimau, Pulau Kendi dan sekitar perairan Pulau Aman dan seterusnya menumpukan rondaan operasi penguatkuasaannya di kawasan perairan tersebut sepanjang masa;
- (ii) Mengadakan mesyuarat secara berkala dengan Persatuan Nelayan di Negeri Pulau Pinang untuk memastikan komuniti nelayan menjadi mata dan telinga kepada APMM dari segi penyaluran maklumat dari semasa ke semasa;

- (iii) Melaksanakan program bertemu pelanggan melibatkan perjumpaan bersama nelayan-nelayan serta pengusaha bot yang dilakukan di semua kawasan atau pangkalan nelayan sepanjang tahun;
- (iv) Meningkatkan kehadiran aset di *hotspot area* untuk memastikan agar jenayah dan kesalahan di laut dapat diatasi dengan serta-merta. Operasi khas juga sering dilaksanakan dengan kerjasama dari Jabatan Perikanan Negeri dan juga Pasukan Polis Marin dengan mengenal pasti modus operandi serta situasi kawasan yang seringkali menjadi tumpuan aktiviti pencerobohan pukat tunda di laut; dan
- (v) Meningkatkan keperluan keupayaan aset-aset kapal dan bot selaras dengan cabaran penguatkuasaan semasa. APMM Pulau Pinang telah menerima dua buah Jet ski berkeupayaan tinggi untuk melaksanakan tugas-tugas pemantauan dan aktiviti *search and rescue* (SAR) di pesisir pantai. Di samping itu, Kerajaan juga sedang melaksanakan proses modenisasi ke atas vesel-vesel sedia ada bagi meningkatkan keupayaan penguatkuasaan APMM. Seiring dengan pertambahan vesel, pembinaan beberapa infrasktruktur berkaitan seperti jeti dan pangkalan akan dibina bagi meningkatkan keupayaan agensi di dalam menjaga kedaulatan dan kepentingan maritim negara.

Manakala langkah-langkah yang diambil oleh Jabatan Perikanan merangkumi perkara-perkara seperti berikut:-

- (i) Mewajibkan semua bot pukat tunda zon B di seluruh Negeri Pulau Pinang memasang alat *Automatic Identification System* (AIS) yang dibekalkan oleh Jabatan Perikanan Negeri berkuatkuasa mulai 1 Mac 2020. Alat AIS ini membantu Jabatan Perikanan untuk memantau setiap lokasi sesebuah bot tunda yang beroperasi bagi memastikan bot pukat tunda tidak menceroboh ke kawasan yang tidak dibenarkan yang mana mengganggu aktiviti dan mengurangkan hasil tangkapan nelayan tradisi di Zon A; dan

- (ii) Mengenakan kadar kompaun yang lebih tinggi sebagai langkah pencegahan mulai 1 Jun 2015 yang lalu di mana kadar kompaun telah dinaikkan kepada RM1,200.00, RM1,500.00 dan RM2,000.00 berbanding RM800.00, RM900.00 dan RM1,000.00 bagi kesalahan pertama, kedua dan ketiga. Mulai tarikh tersebut juga, lesen akan digantung setahun mulai dari kesalahan pertama lagi manakala peralatan akan dirampas bagi kesalahan ketiga. Kes akan didakwa di mahkamah bagi kesalahan keempat dan seterusnya. Sekiranya disabitkan kesalahan, lesen vesel dan peralatan akan dibatalkan di bawah Seksyen 33 dan vesel serta peralatan juga akan dilucutkan di bawah Seksyen 52 Akta Perikanan 1985. Selain itu lesen vesel pukat tunda Zon B yang terlibat juga tidak boleh dipindah milik.